

Perhubungan Umno Melaka turut sokong pindaan

MELAKA, Ahad — Perhubungan Umno Negeri Melaka mengambil ketetapan untuk menyokong dan berdiri teguh di belakang kerajaan pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir atas soal pindaan Perlembagaan yang telah diluluskan oleh Parlimen.

Ketetapan itu diambil dalam mesyuarat khas selama tiga jam Perhubungan Umno Negeri di Ibu Pejabat Umno Negeri di sini, petang ini.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan selepas mesyuarat itu, Perhubungan Umno Negeri juga menentang sekerazkerasanya sebarang usaha untuk menukar corak pemerintahan raja berperlembagaan.

Perhubungan Umno Negeri juga mendesak Menteri Dalam Negeri, Datuk Musa Hitam yang juga Timbalan Perdana Menteri supaya bertindak tegas menghapuskan kumpulan yang menentang sistem beraja.

Mesyuarat itu dipengerusikan oleh Datuk Seri Mohd Adib selaku Ketua Perhubungan dan dihadiri oleh Ketua Menteri, Datuk Abdul Rahim Tamby Chik, selaku Timbalan Pengerusi, Datuk Wira Ahmad Nordin, Ketua Umno Bahagian Batu Berendam, Datuk Haji Hassan Mansor, Setiausaha Perhubungan Umno Negeri, Datuk Md Di Abdul Ghani, Bendahari, Datuk Haji Abdul Aziz Tapa, Ketua Penerangan Umno, Haji Ahmad Haji Abdullah dan Ketua Wanita Umno Negeri, Datin Hajah Fatimah Ahmad.

Datuk Seri Adib dan Datuk Abdul Rahim ialah Ketua Umno Bahagian Jasin dan Alor Gajah.

Di Kuala Lumpur, Ke-

tua Umno Bahagian Selangor, Datuk Zakaria Yahya, berkata semua anggota Umno bahagiannya menyokong penuh pindaan perlembagaan dan berdiri teguh di sisi pucuk pimpinan parti.

Umno bahagiannya juga tetap mempertahankan kedudukan Raja-Raja Melayu dan kedaulatan institusi raja berperlembagaan, katanya ketika merasmikan pechara anjuran biro ekonomi Umno cawangan Selayang Baru Barat, dekat sini hari ini.

Beliau menyeru semua anggota Umno bahagian itu jangan melupakan tanggungjawab mereka kepada negara dengan menjelaskan kepada orang ramai mengenai isu itu.

Datuk Zakaria berharap cawangan-cawangan Umno dalam bahagian Selayang mempergiatkan lagi aktiviti ekonomi agar tabung kewangan mereka sentiasa terjamin dan boleh membantu pembangunan masyarakat di kawasan itu menerusi bantuan pelajaran, ceramah-ceramah dan sebagainya.

Di Johor Bahru, hampir semua cawangan Umno dalam bahagian Johor Bahru telah menyatakan sokongan

terhadap pindaan perlembagaan, kata ketuanya Datuk Shahrir Abdul Samad hari ini.

Kebanyakan ahli cawangan-cawangan berkenaan sudahpun memahami maksud sebenar pindaan perlembagaan yang diluluskan oleh Parlimen Ogos lalu, kata beliau.

Katanya, dalam menghadapi isu pindaan perlembagaan ini para pemimpin Umno di semua peringkat hendaklah jangan cepat melatah atau mudah terkeliru.

Semalam Umno Bahagian Ayer Hitam menyokong pindaan perlembagaan yang diluluskan oleh Parlimen baru-baru ini sambil mengingatkan bahawa maruah Melayu, maruah pentadbiran negara dan maruah raja-raja sendiri akan terganggu sekiranya isu itu dibiarkan berterusan terumbang-ambing.

Bercakap kepada para pemberita di sini, Naib Ketua Bahagian itu, Haji Abdul Hamid Omar berkata tiada sebab mengapa raja-raja tidak boleh meluluskan pindaan itu sedangkan ia tidak bertujuan langsung untuk menggugat kedudukan mereka.